

12/07/2000

Menghayati ingatan `Bukan Melayu boleh jadi PM'

Dr Mohd Azam Rauzan

SAYA tergerak untuk menulis surat ini kerana baru-baru ini seluruh rakyat Malaysia dikejutkan dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rakyat perlu menerima hakikat bahawa bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia pada satu hari nanti. Sebagai generasi pasca merdeka yang menikmati suasana hidup lebih sejahtera hasil keprihatinan pemimpin Umno mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), saya berasa cukup sedih kerana isu ini terpaksa diketengahkan secara terbuka. Walhal ia adalah satu persoalan pokok yang harus tertanam dalam kotak fikiran hati sanubari setiap orang Melayu bahawa ia boleh berlaku jika soal kepemimpinan dan perpaduan tidak dipupuk dan ditangani secara sempurna.

Amatlah malang sekali isu ini terpaksa dibangkitkan demi menyedarkan orang Melayu yang masih lena diulit kemewahan hidup yang sebenarnya bukan saja disebabkan daya usaha mereka sendiri, tapi turut dipermudahkan oleh kebijaksanaan kepemimpinan pemimpin Umno dulu dan kini. Jadi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas kenyataan itu di persidangan tahunan MCA yang juga menjadi rakan setiakawan kedua terbesar dalam ikatan Barisan Nasional (BN). Sebenarnya, kenyataan Dr Mahathir itu bukanlah perkara baru, malah seringkali dilontarkan secara kiasan terutamanya di perhimpunan Agung Umno sebelumnya. Sayangnya, tidak ramai orang Melayu serta ahli Umno yang dapat menterjemahkan isi hati Dr Mahathir mengenai isu sensitif itu. Sebab itulah saya menyanjungi luahan secara terus terang berkenaan agar yang tersirat itu tidak dikemukakan secara tersurat dan demi masa depan orang Melayu.

Pengalaman serta sedikit keistimewaan yang diberikan Allah terhadap kepemimpinan serta pemikiran Dr Mahathir, adalah rahmat kepada rakyat Malaysia. Kelebihan yang ada pada beliau dan tidak ada pada kebanyakan pemimpin dunia ialah pandangan jauh atau wawasan untuk Malaysia dan orang Melayu.

Saya ingin berkongsi cerita dengan Dr Mahathir serta seluruh umat Melayu mengenai perbualan saya tempoh hari dengan seorang pemimpin Melayu dalam parti pembangkang pada peringkat negeri. Saya menerima satu panggilan telefon di klinik saya. Kebiasaannya kami jarang berbincang mengenai politik, tetapi pada hari itu beliau meminta saya meluangkan sedikit masa untuk membincangkan soal bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri. Antara persoalannya ialah mengapa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan itu sebagai seorang Perdana Menteri? Baginya, bukankah Dr Mahathir akan menjadi lebih tidak popular di kalangan Orang Melayu serta permasalahan ini akan timbul di kalangan generasi Melayu masa depan dan bukan pada era Perdana Menteri sekarang? Seperkara lagi yang disampaikan kepada saya ialah keluarganya serta rakan taulan kebanyakannya daripada ahli parti pembangkang, agak keliru serta marah dengan kenyataan Perdana Menteri. Maka, beliau mahukan pendapat daripada pemimpin dan kaca mata orang Umno sendiri.

Lantas saya pun memberi gambaran saya selaku ahli Umno daripada golongan Melayu baru mengenai perkara itu. Pada mulanya, beliau agak terkejut dan tidak boleh menerima apabila saya mengatakan bahawa, bukanlah Orang Melayu seperti beliau dan ramai lagi pemimpin Melayu dan ahli parti pembangkang yang selama ini memperjuangkan bukan Melayu pun boleh menjadi Perdana Menteri? Bukankah ini yang diperjuangkan oleh DAP dalam konsep `Malaysian Malaysia' yang disanjung oleh pemimpin dalam Pas dan pengikut parti

Keadilan? Sebenarnya, perpecahan Melayu yang semakin ketara ketika inilah yang mendorong Perdana Menteri terpaksa membuat kenyataan sedemikian agar orang Melayu sedar daripada mimpi enaknya.

Saya menterjemahkan bahawa apa yang hendak disampaikan oleh Perdana Menteri ialah apabila orang Melayu sendiri berpecah dan menolak Umno secara keseluruhan, itulah saatnya mana orang Melayu sudah tidak ada kuasa lagi dalam melaksanakan semangat Perlembagaan Negara. Orang Melayu tidak dapat lagi dan tidak mampu bergantung kepada pemimpin Melayu dalam parti yang bernaung di bawah gagasan parti pembangkang kerana konsep mereka bersekongkol dengan DAP memang tidak menjamin masa depan orang Melayu.

Jadi, saya memulangkan persoalan itu kepada beliau, dengan berkata tepuk dada sendiri dan tanyalah hati masing-masing. Perbualan itu berakhir dengan satu pendapat bahawa kita orang Melayu harus bersatu dan menangkap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai cabaran untuk membuka minda betapa natijah perbalahan politik di kalangan orang Melayu boleh mengorbankan masa depan anak bangsa kita.

Perjuangan Dr Mahathir belum dan tidak akan selesai selagi hayat dikandung badan. Sebagai Presiden Parti, saya harap Dr Mahathir menumpukan lebih masa untuk membetulkan Umno yang saya lihat sekarang beransur rapuh dari segi nilai dalaman jati diri pemimpin dan ahli-ahli Umno sendiri. Turunlah ke padang untuk mendengar isi suara hati ahli-ahli Umno pada peringkat akan umbi. Pemimpin dan ahli Umno haru menilai semula intipati perjuangan dalaman parti sendiri.

Kalau kita memang bercita-cita untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan perjuangan Melayu dari segala bentuk perpecahan dan kemungkaran, kita harus bersihkan gelanggang politik kita dari pemimpin dayus, golongan sesat, kumpulan menyeleweng, gerombolan ekstremis dan oportunist.

Perjuangan bangsa Melayu Umno harus kita bebaskan dari cengkaman pemimpin serta ahli-ahli Umno yang tamak, rakus dan haloba kuasa. Kita tidak mahu golongan seperti ini wujud kerana kita tidak mahu parti kita pincang. Kita harus tumpaskan golongan seperti ini demi kestabilan politik Umno dan ketuanan Melayu. Orang Melayu tidak harus tertipu dengan pemimpin bertopengkan agama untuk mendapatkan kuasa, bertopengkan nasionalisme untuk mendapatkan wang dan keistimewaan, bertopengkan keadilan untuk memuaskan nafsu rakus, bertopengkan kebebasan demokrasi untuk merleleusa tanpa menghitung kepentingan masyarakat.

Sebenarnya, agenda membanteras politik wang harus menjadi agenda utama di abad ini bagi memastikan Umno terus dapat melahirkan pemimpin yang tulen dan berwibawa di masa hadapan. Justeru, saya merayu kepada Dr Mahathir supaya dapat terus memimpin Umno selagi kesihatan dan kewarasan dianugerah Allah.

Saya percaya, mandat serta amanah ini mampu dipikul oleh Datuk Seri untuk menerajui Umno ke arah keunggulan di abad ini, semoga hasilnya akan menjadi warisan paling berharga untuk dihadiahkan kepada generasi Melayu masa depan.